

DEFINISI

"**Pelantikan Kontrak**" bermaksud pelantikan seseorang calon atau pegawai untuk berkhidmat dengan agensi awam yang diuruskan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/2008 bagi tempoh tertentu berasaskan kepada syarat perkhidmatan seperti yang dipersetujui dalam perjanjian kontrak yang ditandatangani oleh calon atau pegawai dengan Pihak Berkuasa Melantik. Tempoh sesuatu kontrak di bawah peruntukan hendaklah tidak melebihi tiga (3)

ELAUN

Antara Elaun yang layak diterima adalah:-

- Imbuan Tetap Khidmat Awam
- Imbuan Tetap Perumahan
- Imbuan Tetap Keraian
- Bantuan Sara Hidup
- Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal
- Bayaran Insentif Pakar
- Elaun Dan Bayaran Semasa Bertukar Atau Berpindah Rumah
- Elaun Menjalankan Tugas Rasmi
- Elaun Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri
- Rawatan Perubatan Percuma Di Klinik/ Hospital Kerajaan
- Rawatan Perubatan Percuma Di Luar Negeri (pesara yang menerima pencen)
- Kemudahan Tambang Perjalanan
- Pinjaman Kenderaan/ Komputer
- Rumah Kediaman/ Kuarters
- Elaun Perumahan Wilayah (bagi warganegara sahaja)
- Bayaran Lebih Masa (bagi Kumpulan Sokongan)
- Cuti Rehat
- Cuti Sakit
- Cuti Haji
- Cuti Bersalin
- Cuti Tanpa Gaji

Pejabat Pendaftar
(BAHAGIAN PENGURUSAN MODAL INSAN)
Universiti Teknologi Malaysia
54100 Kuala Lumpur

Tel: 03-26154830
Fax: 03-26934344

Website : registrar.utm.my/kualalumpur/



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pejabat
Pendaftar
UTM
Kuala Lumpur

PERKHIDMATAN STAF KONTRAK

inovatif · entrepreneurial · global

Pejabat Pendaftar

Bahagian Pengurusan Modal Insan

KEMUDAHAN

Antara kemudahan yang layak diterima oleh Staf Kontrak ialah :-

A) Cuti Rehat

- * Layak diberi cuti rehat mengikut kelayakan staf tetap yang setaraf yang berkhidmat kurang daripada 10 tahun.
- * Bagi tempoh kontrak yang kurang daripada setahun, kelayakan cuti berdasarkan tempoh perkhidmatan yang melayakkan itu sahaja
- * Baki cuti yang tidak diambil akan luput apabila sesuatu tempoh kontrak pegawai yang berkuat kuasa tamat.

B) Cuti Sakit

- * Layak diberi kemudahan cuti sakit tidak melebihi 15 hari setahun.
- * Diluluskan oleh Ketua Jabatan dengan syarat pegawai mengemukakan sijil sakit yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan/ pergigian berdaftar.
- * Sekiranya pegawai telah habis menggunakan kemudahan cuti sakit yang dibenarkan (15 hari) tetapi masih memerlukan masa untuk pulih, pegawai boleh dipertimbangkan oleh Ketua Jabatan untuk tidak hadir bertugas atas sebab-sebab kesihatan tidak melebihi 75 hari setahun dengan syarat pegawai mengemukakan sijil sakit yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan/ pergigian berdaftar.
- * Kebenaran tidak memutuskan kontrak yang berkuat kuasa kepada pegawai. Walau bagaimanapun, pegawai tidak layak dibayar sebarang emolumen bagi tempoh tersebut.
- * Sekiranya pegawai masih tidak hadir bertugas atas sebab-sebab kesihatan melebihi tempoh 75 hari setahun, kontrak pegawai hendaklah ditamatkan.
- * Tempoh tersebut juga tidak diambil kira sebagai tempoh perkhidmatan untuk tujuan pembayaran ganjaran

C) Cuti Haji

- * Cuti Haji (secara bergaji penuh) boleh diluluskan sekali sahaja kepada pegawai warganegara yang beragama Islam yang belum pernah menunaikan fardhu haji sepanjang tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan,

- * Telah berkhidmat secara kontrak tidak kurang lima (5) tahun.
- * Tempoh cuti yang boleh diluluskan tidak lebih 40 hari.
- * Bagi pesara, syarat tempoh perkhidmatan lima (5) tahun ini tidak terpakai sekiranya mereka belum pernah menggunakan kemudahan ini sebelum bersara.

D) Cuti Tanpa Gaji

- * Boleh dipertimbangkan tidak lebih 30 hari setelah menggenapkan tiga (3) tahun perkhidmatan.
- * Cuti Tanpa Gaji ini hanya untuk tujuan mengerjakan fardhu haji bagi pegawai beragama Islam yang tidak layak mendapat Cuti Haji.
- * Cuti tanpa gaji atas sebab yang lain tidak dibenarkan.

E) Cuti Bersalin

- * seseorang pegawai yang bersalin layak mendapat Cuti Bersalin Bergaji Penuh sebanyak 300 hari sepanjang tempoh perkhidmatannya
- * Pegawai kontrak yang telah menggunakan semua kelayakan cuti bersalin dan bagi setiap kali bersalin seterusnya hendaklah diberi Cuti Bersalin secara tanpa gaji setelah menghabiskan kesemua Cuti Rehat yang ia berkecualan.
- * Kemudahan Cuti Bersalin secara tanpa gaji di atas tidak menjejaskan Cuti Tanpa Gaji yang diperuntukkan di perenggan atas.

F) Antara Kemudahan yang tidak layak diterima adalah :-

- Cuti Tanpa Rekod Isteri Bersalin
- Cuti Tanpa Rekod Kematian Ahli Keluarga
- Cuti Tanpa Rekod Pasukan Sukarela
- Kemudahan Cuti Gantian Kerja Lebih Masa

GANJARAN

Ganjaran Kontrak

- * Ganjaran merupakan salah satu faedah tamat perkhidmatan yang dibayar kepada pegawai yang telah menamatkan perkhidmatan dengan memuaskan.

- * Pegawai yang meletakkan jawatan atas apa sebab sekalipun tidak layak dibayar ganjaran kecuali peletakan jawatan kerana mendapat tawaran pelantikan dalam sektor awam
- * Ganjaran dibayar berdasarkan formula berikut:

$$\frac{17.5 \times \text{Gaji Pokok (Akhir)} \times \text{Bulan Perkhidmatan}}{100}$$

** $(17.5\% - 12\% (\text{caruman KWSP}) \times \text{gaji akhir (gaji pokok)} \times \text{jumlah bulan perkhidmatan ditolak dengan jumlah faedah syer kerajaan (Majikan) di dalam KWSP bagi tempoh bulan perkhidmatan}$

Ganjaran Cuti Rehat

- * Cuti Rehat yang tidak dapat dihabiskan akan diberi gantian dalam bentuk wang tunai
- * Syarat pembayaran
 - Dilantik berdasarkan PP 2/2008
 - Tempoh sesuatu kontrak hendaklah tidak kurang daripada satu (1) tahun
 - Bagi kontrak baru yang ditandatangani mulai 1 Januari 2009
- * Pegawai yang ditamatkan/ diberhentikan perkhidmatan atas sebab berikut :
 - Penamatan atas sebab cuai atau tidak mematuhi perintah yang diberi atau membocorkan apa-apa maklumat atau berkelakuan salah atau tidak mematuhi peraturan kontrak atau;
 - Kontrak tamat atas sebab ketidakupayaan kesihatan setelah diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan, kecuali bagi pegawai yang telah berkhidmat bagi kontrak tersebut untuk tempoh sekurang-kurangnya satu tahun
 - Penamatan perkhidmatan atas sebab dijatuhkan hukuman buang kerja oleh Pihak Berkuasa Tatatertib
 - Penamatan perkhidmatan atas permohonan atau pilihan pegawai sendiri.

adalah tidak layak diberi wang tunai sebagai gantian bagi Cuti Rehat yang tidak dapat dihabiskan

- * Maksimum Cuti Rehat yang dibenarkan untuk tujuan pemberian wang tunai bagi sesuatu kontrak adalah sebanyak lapan (8) hari atau satu per empat ($\frac{1}{4}$) daripada kadar Cuti Rehat untuk setahun, mengikut mana yang lebih rendah
- * Ganjaran dibayar berdasarkan formula berikut:

$$\frac{1}{30} \times (\text{Gaji Pokok} + \text{Imbuhan Tetap}) \times \text{Bil cuti yang dibenarkan}$$